MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN MARA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tigapuluhminit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawab* **semua** *soalan dalam* **Bahagian A** *dan* **dua** *soalandalam* **Bahagian B**.
3. *Tulis jawapan anda pada* **Kertas Helaian Tambahan** *yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan*
4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan*
7. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*

3756/2

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

3756/2 © 2012 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

[60 *markah*]

Jawab **semua** *soalan*

1 (a) Nyatakan konsep perakaunan yang berkaitan bagi situasi di bawah.

(i) Kedai Digitron merekodkan aset bukan semasa pada harga kos walaupun harga pasaran telah berubah.

(ii) Perniagaan Bentley sentiasa menggunakan kaedah garis lurus bagi mengira susut nilai aset perniagaannya.

[2 markah]

(b) Apakah kesan urus niaga berikut terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik?

Urus niaga	Kesan		
	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Pemilik mengambil tunai untuk bayaran yuran tuisyen anaknya.			

[2 markah]

(c) Berikan **dua** kaedah pembayaran gaji kepada pekerja.

[2 markah]

(d) Nyatakan **dua** jenis kesilapan ketara yang memberi kesan terhadap Imbangan Duga.

[2 markah]

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

(e) Berikut adalah aset dan liabiliti bagi Perniagaan Imtech pada 30 Jun 2012.

	RM
Bank	5 095
Lengkapan	2 790
Pemiutang	5 245
Penghutang	6 170
Kadar bayaran terakru	400

Hitung nisbah semasa bagi Perniagaan Imtech.

[2 markah]

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

2 Berikut adalah ringkasan butiran penerimaan dan pembayaran Kelab Kebudayaan Inspirasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran	18 960	Belian kostum	52 800
Jualan tiket pertandingan		Gaji	19 000
kebudayaan	2 200	Kadar bayaran	10 000
Jualan kostum	84 000	Iklan	1 940
Faedah simpanan tetap	80	Peralatan muzik	9 600
Sewa diterima	1 300	Ansuran pinjaman (termasuk faedah)	7 800
		Belanja penyelenggaraan kelab	1 000
		Hadiah pertandingan kebudayaan	1 400

Maklumat tambahan:

(i)

	1 Januari 2011	31 Disember 2011
	RM	RM
Bank	20 840	?
Pemiutang kostum	700	14 800
Peralatan muzik	3 000	?
Lengkapan	7 000	7 000
Simpanan tetap berkadar faedah 5%	3 200	3 200
(matang 31 Disember 2011)		
Pinjaman berkadar faedah 6%	30 000	24 000
Kadar bayaran terdahulu	400	600
Yuran terdahulu	1 920	2 400
Yuran terakru	1 200	1 440
Stok kostum	3 600	3 300

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

(ii) Sebanyak RM720 yuran terakru pada 1 Januari 2011 berjaya dikutip dan bakinya dihapuskira sebagai yuran lapuk.

(iii) Tiada faedah atas pinjaman yang tertunggak pada 31 Disember 2011.

(iv) Pinjaman berkadar faedah 6% setahun mula diambil pada 1 Jan 2011 untuk tempoh 5 tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Yuran. [4 markah]

(b) Akaun Perdagangan Kostum bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. [4 markah]

(c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. [7 markah]

(d) Penyata mengira dana terkumpul pada 1 Januari 2011. [3 markah]

(e) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2011. [7 markah]

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

3 Puan Mariam pemilik Perniagaan Barangan Antik Mariam telah menerima Penyata Bank bulan Julai 2012. Beliau mendapati baki Penyata Bank berbeza dengan baki Buku Tunai. Berikut ialah Penyata Bank dan Buku Tunai perniagaan Puan Mariam pada 31 Julai 2012.

Penyata Bank

Bank Mulia Berhad
9 Jalan Pasar Jawa
41400 Klang
Selangor

Perniagaan Barangan Antik Mariam
No. 30, Jalan Cuepacs 4A
41400 Klang
Selangor

No. Akaun: 5620-7600-2238
Tarikh Penyata: 31 Julai 2012

Tarikh	Butir	No.Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2012					
Julai 1	Baki b/b				4 880
6	Cek	409560	650		4 230
7	Cek	409561	980		3 250
9	Deposit			3 910	7 160
9	Dividen : THB Berhad			660	7 820
10	Cek	409562	1 570		6 250
13	Cek	409563	2 138		4 112
16	Insurans (perintah sedia ada)		700		3 412
17	Deposit			1 980	5 392
19	Deposit			591	5 983
24	Deposit			780	6 763
25	Cek	409566	3 130		3 633
27	Sewa (pindahan kredit)		800		2 833
30	Caj bank		35		2 798
31	Buku cek		20		2 778

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No.Cek	RM
2012			**2012**			
Julai 1	Baki b/b	3 250	Julai 5	Musli Enterprise	409562	1 570
2	Pn.Lina	3 190	9	Ramlah	409563	2 318
7	Jualan	4 830	14	Belian	409564	5 120
12	En.Remy	1 980	18	Kedai Mala	409565	7 350
16	Komisen	591	20	Eddie Tan	409566	3 130
17	Perusahaan Soleh	780	28	Pemborong YZT	409567	6 160
18	Syarikat Fabulos	2 710	30	Gaji	409568	4 800
20	Kedai Lily	4 190				
27	Perniagaan Klasik	5 166				
30	Jualan	1 660				
31	En.Akmal	765				
31	Baki h/b	1 336				
		30 448				30 448
			Ogos 1	Baki b/b		1 336

Setelah Puan Mariam membandingkan Penyata Bank dengan Buku Tunai, perkara yang berikut telah ditemui :

(i) Cek yang dikeluarkan bernombor 409563 dan cek yang diterima pada 2 Julai 2012 didapati berlaku kesilapan dalam Buku Tunai.

(ii) Cek yang diterima pada 18 Julai 2012 tidak dilayan oleh bank.

(a) **Anda dikehendaki menyediakan :**

(i) Buku Tunai (ruangan bank) dikemaskini. [10 markah]

(ii) Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2012. [13 markah]

(b) Nyatakan **dua** tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank oleh sesebuah perniagaan. [2 markah]

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

Bahagian B

[40 *markah*]

Jawab **dua** *soalan sahaja*

4 Encik Tajuddin ialah seorang peniaga yang tidak menyimpan rekod-rekod perakaunannya mengikut prinsip catatan bergu.

Berikut ialah maklumat kewangan Perniagaan Tajuddin bagi tahun berakhir 31 Mac 2012.

	1 April 2011	**31 Mac 2012**
	RM	**RM**
Kenderaan	20 000	20 000
Perabot	3 970	?
Penghutang	4 610	6 540
Stok	5 660	7 810
Bank	3 310	8 430
Pemiutang	3 420	4 170
Komisen diterima terdahulu	350	-

Maklumat tambahan:

(i) Pada 1 Julai 2011, Encik Tajuddin telah membawa masuk sebuah almari bernilai RM1 070 ke dalam perniagaan. Perkara ini tidak direkodkan dalam mana-mana buku.

(ii) Pemilik perniagaan telah membuat ambilan barang niaga bernilai RM60 setiap bulan untuk kegunaan sendiri.

(iii) Peruntukan hutang ragu 5% atas penghutang diwujudkan.

(iv) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

(v) Gaji terakru RM400 dan stok alat tulis RM120.

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

(a) **Anda dikehendaki menyediakan :**

(i) Penyata mengira modal pada 1 April 2011. [5 markah]

(ii) Penyata mengira modal pada 31 Mac 2012. [8 markah]

(iii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2012. [5 markah]

(b) Nyatakan **dua** maklumat yang diperoleh daripada analisis Akaun Penghutang.

[2 markah]

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

5 (a) Maklumat yang berikut dipetik daripada buku perniagaan Kilang Fiber di Besut, Terengganu pada 31 Disember 2011.

	RM
Stok pada 1 Januari 2011:	
Barang siap	9 400
Bahan langsung	10 400
Alat-alat kecil	890
Kerja dalam proses	8 540
Mesin kilang	65 000
Susut nilai terkumpul mesin kilang	12 350
Jualan barang siap	114 920
Belian alat-alat kecil	650
Belian bahan langsung	43 040
Pulangan belian bahan langsung	2 050
Duti import bahan langsung	2 090
Sewa bangunan	14 600
Angkutan keluar	2 690
Angkutan masuk bahan langsung	1 400
Pulangan jualan	1 960
Kadar bayaran kilang	2 000
Insurans kilang	2 600
Bahan bakar kilang	1 760
Buruh langsung	28 800
Buruh tak langsung	18 200
Royalti	8 360
Gaji pekerja pejabat	8 000

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

Maklumat tambahan:

(i) Stok pada 31 Disember 2011:

	RM
Barang siap	11 090
Bahan langsung	12 300
Alat-alat kecil	840
Kerja dalam proses	10 410

(ii) Mesin kilang disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(iii) 40% daripada royalti adalah untuk kilang dan selebihnya adalah belanja langsung.

(iv) Tiga per lima daripada sewa bangunan adalah untuk kilang.

(v) Buruh langsung termasuk RM1 600 buruh tak langsung.

(vi) Angkutan masuk terlupa catat sebanyak RM220.

Anda dikehendaki menyediakan :

Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. [14 markah]

(b) Syarikat Mega Wan mengeluarkan kemeja-T yang beroperasi di Kuching, Sarawak. Kos-kos yang terlibat adalah seperti berikut:

	RM
Kos tetap	50 000.00
Buruh langsung seunit	5.00
Bahan mentah seunit	15.00

Anda dikehendaki :

(i) Menghitung kos berubah seunit. [2 markah]

(ii) Menghitung titik pulang modal jika harga jualan RM30.00 seunit. [2 markah]

(iii) Nyatakan perbezaan kos tetap dan kos berubah. [2 markah]

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

6 Perniagaan Sinar Suria ialah sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di Sepang, Selangor. Berikut adalah baki-baki aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaannya pada 31 Mei 2012.

	RM
Premis	100 000
Alatan pejabat	17 400
Stok	12 000
Penghutang	7 090
Bank	20 870
Tunai	2 510
Modal	126 320
Untung bersih	23 720
Pemiutang	9 830

Urus niaga sepanjang bulan Jun 2012 adalah seperti berikut:

(i) Belian kredit barang niaga bernilai RM4 000 daripada Pembekal CYC.

(ii) Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM2 550 untuk kegunaan perniagaan.

(iii) 20% daripada stok dijual secara kredit kepada Kedai Runcit Ali dengan harga RM3 520.

(iv) Kedai Runcit Ali memulangkan 10% barang yang dibeli kerana rosak.

(v) Membayar RM7 000 kepada pemiutang dengan cek. Terima diskaun RM200.

(vi) Membayar gaji pembantu kedai dengan tunai RM800.

(vii) Menerima sekeping cek RM5 200 daripada penghutang untuk menjelaskan hutang yang berjumlah RM5 300.

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

Anda dikehendaki :

a) Melengkapkan jadual persamaan perakaunan di **Lampiran A** untuk menunjukkan kesan setiap urusniaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik.

(Helaian lampiran A perlu dikepilkan bersama helaian jawapan yang lain)

[12 markah]

b) Menyediakan Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2012. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online

LAMPIRAN A

Urus niaga	Premis RM	Alatan Pejabat RM	Stok RM	Penghutang RM	Bank RM	Tunai RM	Pemiutang RM	Modal RM	Untung bersih RM
Baki	100 000	17 400	12 000	7 090	20 870	2 510	9 830	126 320	23 720
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									
(vii)									
Jumlah									

(Helaian Lampiran A perlu dikepilkan bersama helaian jawapan yang lain)

Koleksi Trial 2012 Cg Narzuki Online